


SEJARAH TAMADUN ALAM MELAYU

# ASAL USUL MELAYU, INDUKNYA DI BENUA SUNDA



Zaharah Sulaiman  
Wan Hashim Wan Teh  
Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman



فونڊيشن لوتوريسيتي قائدديدين سلطان ادريس  
PENERBIT UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

## SEJARAH TAMADUN ALAM MELAYU ASAL USUL MELAYU INDUKNYA DI BENUA SUNDA

Kira-kira 20 tahun yang lalu, dua penyelidik antropologi (Wan Hashim) dan arkeologi (Nik Hassan Suhaimi) di Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia telah mengemukakan dapatan kajian mereka menolak teori besar bahawa bangsa Melayu berasal dari Wilayah Yunnan atau Selatan Negeri China (tersiar dalam semua akhbar harian Melayu dan Inggeris, 5 Sept. 1994). mengemukakan teori bahawa migrasi moyang kepada rumpun Melayu dari kabilah Negrito komposit dari Semang dan Senoi adalah secara terus menerus dari benua Afrika melalui Timur Tengah ke benua Melayu Sunda atau Alam Melayu di antara 65,000-75,000 tahun yang lalu. Dalam sebuah buku lain, 'Eden in the East; The Drowned Continent of Southeast Asia' seperti disebut dalam tulisan ahli falsafah Greek Plato (330 SM) adalah benua Melayu Sunda; dan pandangan ini disokong oleh beberapa sarjana lain.

Penyelidik dan Penulis Utama buku ini, Zaharah Sulaiman telah menghabiskan masa tujuh tahun mengumpul bahan dan meneliti lebih 1,000 sumber penyelidikan dari tokoh-tokoh penyelidik berwibawa dunia, yang telah membuat rumusan bahawa:

- i) Prof. Martin Richards diantara dua 'researcher achaeogenetics' terkemuka di dunia menyimpulkan, 'keputusan terbaru mencadangkan bahawa Saudi sememangnya 'Pentas Pertama' (first staging post) dalam penyebaran manusia moden ke seluruh dunia' Pedro Sores, Martin Richards et.al. 2012, 'The Arabian Cradle: Mitochondrial Relicts of the First Steps along the Southern Route out of Africa' University of Leeds, dan Benua Melayu Sunda adalah antara tapak permulaan tamadun awal manusia, 'gene pool' 'kolam pembenihan etnik' dan pembentuk bangsa Melayu Induk dalam evolusi puluhan ribu tahun.
- ii) Bahawa Penghuninya adalah Peneroka dalam ilmu pelayaran sehingga mereka di beri gelaran 'vikings of the orient' dalam 'The Malays - A People of Fascinating Divisions' oleh John Tiffany, Pembina kapal yang lebih besar daripada Flor De La Mar kebanggaan Portugis (Gasper Correia, 1563).
- iii) Pentadbir Empayar Melayu Funan, Champa, Kedah Tua, Empayar Srivijaya, Empayar Langkasuka hingga ke Kelantan, Empayar Melaka sebagai sebuah pelabuhan perdagangan terbesar di dunia pada abad ke2 - 15 mengatasi pelabuhan Venice (Tome Pires, 1944).
- iv) Pembina puluhan kerajaan dan negara kota sebelum satu demi satu ia diceroboh, serta dimusnah oleh kuasa-kuasa Eropah dan kabilah-kabilah jiran yang lebih agresif mulai awal kurun ke-16. Dan zaman itulah juga bermulanya kejatuhan dan kemunduran rumpun bangsa Melayu-Polinesia yang berjumlah lebih 400 juta manusia, menduduki sekitar satu per-enam muka bumi ini.

Buku Sejarah Tamadun Alam Melayu ini membentangkan beberapa idea dan dapatan terbaru dalam penyelidikan ilmiah mengenai ASAL USUL BANGSA MELAYU, yang pastinya akan mencetus kontroversi dan polimik berpanjangan serta menarik minat bagi mereka yang terbuka minda ingin mengetahui secara lebih mendalam tentang perkembangan tamadun di Alam Melayu dan tentang penghuninya yang asal.

Profesor Emeritus Dato' Dr Wan Hashim Wan Teh

